



SIARAN MEDIA

PENAMBAHBAIKAN KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG MEMACU KEBERKESANAN PERKHIDMATAN KERAJAAN TEMPATAN

PUTRAJAYA, 18 Jun 2023 – Kerajaan merancang untuk mengambil inisiatif bagi menambah baik kelancaran urusan perniagaan (*ease of doing business*) di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Usaha dan inisiatif ini sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi memudah cara dan memendekkan tempoh masa kelulusan Pelan Pemajuan terutamanya pelan Kebenaran Merancang (KM).

Inisiatif yang dicadangkan ini adalah berdasarkan adaptasi daripada beberapa PBT yang telah melaksanakan penambahbaikan proses kelulusan KM dan terbukti memberi impak positif kepada pelaburan dan perkembangan ekonomi. Mengambil kira keberkesanan ini, Kerajaan sedang merancang untuk menetapkan satu pendekatan di peringkat Persekutuan bagi menyeragamkan penambahbaikan ini di peringkat negeri dan seterusnya PBT.

Antara cadangan utama adalah melalui inisiatif penambahbaikan OSC 3.0 Plus. Melalui kaedah ini, permohonan akan dikelaskan dan diproses berdasarkan kategori dan tujuan pembangunan seperti perindustrian, perumahan, komersial, pembangunan bercampur, kemudahan awam dan KM kecil bagi ubah suai. Berdasarkan pengkelasan ini juga, setiap permohonan akan dipertimbangkan melalui tatacara yang berbeza dan seterusnya dapat memendekkan tempoh kelulusan KM.

Proses penambahbaikan ini akan dilaksanakan dahulu di 10 PBT sebagai projek rintis. Seterusnya, cadangan penambahbaikan ini akan diperhalusi melalui pelaksanaan sesi-sesi libat urus bersama Pihak Berkuasa Negeri dan PBT untuk menyediakan sebuah manual bagi menyeragamkan proses dan prosedur yang melibatkan perubahan kepada aliran proses sedia ada.

Cadangan penambahbaikan ini juga diharapkan mampu memacu peningkatan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi PBT, negeri dan negara yang didorong melalui peningkatan kompetensi dan kecekapan, penetapan tanggungjawab yang jelas serta akauntabiliti yang telus dan pengukuhan peranan semua pihak yang terlibat.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

